

NO. SOALAN: 122

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[PASIR PUTEH]**

**RUJUKAN : 10445**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan masyarakat memandang gejala dadah semakin parah dan menganggap usaha yang dibuat oleh Kerajaan selama ini gagal. Apakah maklumat statistik sebenar yang ada daripada pihak Kerajaan untuk menjelaskan kedudukan sebenar gejala ini. Adakah pihak Kerajaan ada cadangan untuk menghukum penagih-penagih ini dengan merotan kepada yang positif dadah.

58

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**AADK mempunyai pelbagai pendekatan dalam memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah seperti pendekatan model *cure and care* secara psikososial dan psikospiritual bagi mengelakkan penagih dadah kembali menagih selepas keluar dari pusat pemulihan.**

**Klien-klien juga menjalani program kemahiran vokasional di institusi pemulihan yang menerapkan elemen pengetahuan, kemahiran dan sikap. AADK juga menubuhkan *Cure & Care Vocational Center (CCVC)* di Sepang yang menawarkan kursus-kursus kemahiran jangka panjang selama 6 bulan di bawah persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi membantu klien-klien menceburi bidang pekerjaan berkemahiran dan mengekalkan kepulihan.**

**AADK melaksanakan program penilaian dan pengukuran kepulihan menggunakan instrumen yang dihasilkan oleh amalan terbaik berasaskan prinsip-prinsip kepulihan SAMSHA (*Substance Abuse And Mental Health Services Administration*) di bawah *Institute National Of Drug Abuse*.**

**Kaedah ini menggunakan ukuran 6 indeks kepulihan seperti berikut:**

- (i) penggunaan dadah dan bahan;**
- (ii) sokongan kepulihan;**

- (iii) pekerjaan;
- (iv) kefungsiian sosial;
- (v) kesediaan untuk berubah; dan
- (vi) kesihatan psikologikal dan mental.

**Statistik penagih dadah dari tahun 1999 hingga Ogos 2017 adalah seperti berikut:**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH</b>
1999	35,359
2000	30,593
2001	31,556
2002	31,893
2003	36,996
2004	38,672
2005	32,808
2006	22,811
2007	14,489
2008	12,352
2009	15,736
2010	23,642
2011	19,531
2012	15,101
2013	20,887
2014	21,777
2015	26,668
2016	30,844
sehingga Ogos 2017	13,529